

Bab 2

Tinjauan Penulisan dan Kajian Lampau

Pengenalan

Bab ini akan memberikan fokus kepada beberapa tinjauan literatur yang berkaitan dengan keberkesanan teknik, kursus dan program serta hubungan “kekesanan” sesuatu teknik, kursus atau program terhadap mutu penulisan karangan di kalangan pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi kelak. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan mengenai kepentingan kemahiran menulis dan ciri-ciri sebuah karangan yang baik.

Keberkesanan Program

Salah satu kajian mengenai keberkesanan program telah dijalankan oleh Tan Siew Lui (1993) untuk menilai program Bahasa Inggeris Komunikasi Perniagaan di Institut Teknologi Mara. Kursus Bahasa Inggeris ini dikendalikan oleh pihak Pusat Bahasa, Institut Teknologi Mara, Shah Alam. Para pelajar yang terlibat dalam program ini terdiri daripada tiga kumpulan pelajar yang mengikuti kursus analisis Pelaburan, Insuran dan Pentadbiran Pengangkutan.

Penilaian kajian ini adalah secara formatif dan pada dasarnya adalah untuk mengumpul maklumat bagi mengubah dan memperbaik program yang sedia ada ini. Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan perhatian pada :

- (i) Apakah persepsi pensyarah dan pelajar mengenai objektif kursus, jumlah masa dan item-item bahasa yang digunakan ?

- (ii) Di antara keempat-empat komponen ini Menulis Laporan (Report Writing), Temuduga (Interview), Mesyuarat dan Minit-minit Mesyuarat (Meetings & Minutes) serta Surat Perniagaan dan Memo (Business Letters & Memos) yang manakah yang difikirkan oleh para pensyarah dan para pelajar sebagai lebih penting?
- (iii) Apakah kemahiran bahasa (mendengar, bertutur, membaca & menulis) yang penting bagi ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ?
- (iv) Apakah persepsi pensyarah dan para pelajar tentang bahan-bahan yang digunakan untuk mengendalikan program ini ?
- (v) Apakah teknik pengajaran yang difikirkan sesuai bagi mengendalikan program ini supaya ia dapat memberi manfaat kepada pelajar daripada ketiga-tiga kumpulan ini?

Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada para pensyarah dan para pelajar daripada ketiga-tiga kumpulan ini. Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menentukan kesahan borang soal selidik yang disediakan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat jurang yang ketara antara apa yang diamalkan di dalam bilik darjah oleh para pensyarah dengan apa yang dikehendaki oleh para pelajar yang mengikuti program ini. Jurang ini dapat dilihat dengan jelas pada objektif kursus, item-item bahasa, komponen-komponen pengajaran dan pembelajaran, kemahiran-kemahiran bahasa, bahan pengajaran dan teknik pengajaran yang sesuai.

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa program ini tidak begitu berkesan dalam proses memberi dan menerima ilmu. Oleh itu, untuk menjadikan program ini lebih berkesan, perhatian yang serius harus diberikan untuk menutup jurang di antara apa yang diamalkan di dalam bilik darjah dan apa yang dikehendaki oleh para pelajar.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP), Kementerian Pendidikan Malaysia (1981) telah membuat kajian mengenai Kursus Dalam Perkhidmatan 1980-1981. Kajian ini dibuat untuk menilai kursus dalam perkhidmatan dari aspek pentadbiran agar satu sistem pendidikan perguruan yang lebih teratur dapat diwujudkan. Pengkaji telah mendapat reaksi daripada guru-guru besar, peserta-peserta kursus dan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian daripada peserta kursus menunjukkan reaksi positif pengendalian kursus tetapi tempoh masa kursus yang singkat menyebabkan mereka tidak puas hati. Dapatan kajian daripada guru besar pula menunjukkan 92% daripada mereka berpendapat kursus dalam perkhidmatan adalah perlu berdasarkan prestasi yang meningkat selepas guru-guru menghadiri kursus. Hasil dapatan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri pula menunjukkan bahawa kursus dalam perkhidmatan perlu bagi semua kategori (B hingga D) adalah perlu supaya sikap dan pengetahuan serta kemahiran ikhtisas dapat dikemaskini mengikut keperluan dalam memperkembangkan aspek profesionalisma.

Pada tahun 1990, Jabatan Bahasa Melayu Lanjutan, Institut Bahasa telah membuat satu kajian mengenai keberkesanan Kursus Sijil Perguruan Khas yang dilaksanakan selama satu tahun. Tinjauan dibuat ke atas semua peserta Kursus Pendidikan Bahasa Melayu yang merupakan satu-satunya bidang kursus dalam program ini. Dapatan kajian menunjukkan peserta kursus kurang berpuas hati dengan pengajaran mikro yang kurang diberi perhatian dalam aspek praktikal. Waktu tutorial akademik dan tutorial peribadi perlu dirancang semula supaya lebih membantu peserta dalam bidang akademik. Pada keseluruhannya, peserta menyatakan bahawa objektif kursus tercapai. Akan tetapi, kurikulum Kursus Sijil

Perguruan Khas perlu disemak dengan lebih mendalam bagi kecemerlangan program seterusnya.

Zuariah Yusoff (1996) telah membuat penyelidikan tentang pandangan peserta kursus terhadap Kursus Penilaian Dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Institut Bahasa. Kajian ini bertujuan mengetahui keberkesanannya pelaksanaan Kursus Penilaian Dalam Pendidikan Bahasa Melayu berdasarkan pandangan peserta, penilaian dalam praktikum dan penilaian dalam peperiksaan akhir. Penyelidikan ini melibatkan tujuh belas orang peserta kursus dalam bidang Penilaian Dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Penyelidikan ini dijalankan dalam bentuk tinjauan dengan menggunakan kaedah soal selidik dan penilaian dalam peperiksaan dan praktikum untuk peserta kursus.

Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan peserta-peserta kursus terhadap isi kandungan sukanan pelajaran selepas tamat kursus telah meningkat berbanding sebelum kursus. Topik-topik dalam sukanan pelajaran yang para peserta nyatakan mereka sudah tahu sebelum kursus telah mencapai tahap sangat tahu pada akhir kursus. Dapatkan kajian juga menunjukkan pencapaian dalam peperiksaan amat berkait dengan pencapaian dalam praktikum. Secara keseluruhannya peserta-peserta kursus telah mencapai pangkat yang seimbang antara penilaian dalam peperiksaan dengan penilaian dalam praktikum. Peserta kursus juga berpuas hati dengan strategi pengajaran pensyarahan dalam mengendalikan kuliah, tutorial akademik, pengajaran mikro dan makro, kerja kursus dan projek khas . Akan tetapi, peserta kursus kurang berpuas hati dengan strategi yang digunakan untuk mengendalikan berfgkel bina bahan. Sebagai kesimpulannya, kursus ini berkesan untuk meningkatkan ilmu dalam bidang Penilaian Dalam Pendidikan terhadap peserta kursus.

Kalsombi (1992) telah membuat kajian untuk menilai keberkesanan program Pendidikan Guru Pertukangan di Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur. Pengkaji telah meninjau pandangan 223 orang guru pelatih dan 39 orang pensyarah pertukangan di maktab ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Kursus Perguruan Pertukangan Khas Tiga Semester mempunyai beberapa kelemahan jika dibandingkan dengan Kursus Perguruan Pertukangan Khas Enam Semester kerana tempoh kursus yang singkat. Isi kandungan bahagian teori kurang berkait dengan sukanan pelajaran Pertukangan di sekolah. Kursus pendek ini juga didapati tidak begitu dapat melengkapkan guru pelatih dengan pengetahuan yang dapat membantu mereka semasa menjalani latihan mengajar.

Keberkesanan Teknik

Menurut Maimunah Samat (1989) dalam kajian mengenai "keberkesanan dua teknik mengajar karangan jenis ekspositori kepada pelajar tingkatan empat", mendapati bahawa tidak ada perbezaan atau tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa teknik proses mengarang lebih baik daripada teknik tradisional. Kajian yang dijalankan ini merangkumi 54 orang pelajar daripada dua buah kelas sains di salah sebuah sekolah menengah di Kepong, Selangor. Kajian ini telah dijalankan selama 6 minggu. Para pelajar dibahagikan kepada dua kumpulan teknik pengajaran dan setiap kumpulan teknik terdiri daripada 27 orang. Sebelum pengajaran dijalankan, kedua-dua kumpulan pelajar diberikan ujian sebelum pengajaran. Kemudian diikuti dengan pengajaran selama empat minggu, bagi setiap minggu satu tajuk karangan telah dibincangkan. Setelah itu ujian selepas pengajaran pula diberi. Hasil analisis diperoleh dengan menggunakan ujian t, ANOVA dan Regresi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua teknik mengarang ini adalah berkesan di dalam pengajaran karangan. Walau bagaimanapun, dijangkakan dalam jangka masa yang panjang, teknik proses mengarang dapat meningkatkan kemahiran para pelajar menulis karangan jenis ekspositori. Keputusan dapatan juga menunjukkan keseluruhan prestasi pelajar dalam mempelajari karangan tidak sepenuhnya bergantung kepada teknik pengajaran semata-mata tetapi beberapa faktor lain seperti tahap kebolehan pelajar, latar belakang sosio-ekonomi dan penguasaan bahasa Malaysia pelajar.

Abdul Jalil Othman (1997) pula telah menjalankan satu kajian iaitu "kesan teknik penggabungan ayat terhadap pertautan dalam karangan Bahasa Melayu pelajar Tingkatan Satu". Beliau telah menjalankan kajian ini di salah sebuah sekolah menengah yang dipilih. Kajian ini dijalankan berdasarkan kerangka teoritis eksperimen untuk melihat sejauh mana keberkesanan teknik menggabung ayat terhadap pertautan dalam karangan Bahasa Melayu pelajar tingkatan satu. Eksperimen ini memakan masa lebih daripada sebulan dan subjek kajian ini terdiri daripada 80 orang pelajar Tingkatan Satu daripada sekolah yang sama. Subjek kajian dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 40 orang bagi kumpulan kawalan dan 40 orang lagi bagi Kumpulan Eksperimen. Dalam kajian ini, pelajar Kumpulan Eksperimen telah didedahkan dengan teknik menggabungkan ayat, manakala pelajar Kumpulan Kawalan tidak diberikan sebarang proses rawatan. Setiap kumpulan pelajar diberikan dua jenis ujian iaitu ujian pra dan ujian pos. Seperti biasa, ujian pra dijalankan untuk menilai tahap pencapaian tiap-tiap kumpulan pelajar sebelum rawatan dijalankan. Manakala ujian pos pula adalah untuk menilai perbezaan pencapaian pelajar selepas proses rawatan diberikan.

Bagi Kumpulan Eksperimen, pengkaji telah menjalankan sebanyak 8 kali proses rawatan dengan menggunakan teknik menggabungkan ayat. Para pelajar kumpulan kawalan pula hanya menerima proses pengajaran biasa daripada guru Bahasa Melayu. Bagi menentukan keberkesanan proses rawatan melalui teknik menggabungkan ayat, pengkaji telah merangka sebanyak 8 rancangan pelajaran untuk diikuti oleh para pelajar. Rancangan pelajaran ini dirangka khusus bagi mendedahkan para pelajar tentang kemahiran-kemahiran yang berkaitan dengan teknik dan cara-cara menggabungkan ayat dalam penulisan karangan masing-masing.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Abdul Jalil Othman membuktikan dengan jelas bahawa teknik menggabungkan ayat memberi kesan yang positif kepada para pelajar untuk menghasilkan pertautan dalam karangan masing-masing. Keputusan dapanan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pertautan ayat antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

Akan tetapi, kajian yang telah dijalankan oleh Faraded (1992) untuk mengetahui keberkesanan antara dua teknik mengajar penulisan ke atas kualiti keseluruhan karangan pelajar tingkatan satu mendapati bahawa teknik pengajaran menggabung ayat tidak begitu berkesan untuk membaiki kualiti ayat-ayat pelajar tetapi ia berjaya membaiki kualiti karangan secara keseluruhan. Faraded telah menggunakan dua teknik untuk mengajar karangan iaitu teknik menggabung ayat dan teknik membina paragraf.

Keputusan dapanan menunjukkan bahawa pelajar yang berpencapaian tinggi dan rendah berpeluang meningkatkan pencapaian mereka menerusi kedua-dua teknik pengajaran penulisan yang diperkenalkan selepas rawatan. Keduanya, penyelidik mendapati bahawa teknik pengajaran membina paragraf mempunyai kesan yang lebih baik

untuk meninggikan lagi kualiti penulisan karangan keseluruhan sama ada kepada pelajar berpencapaian tinggi mahupun mereka yang berpencapaian rendah. Teknik pengajaran membina paragraf juga telah berjaya membaiki aspek kesepaduan dalam penulisan karangan pelajar.

Kesimpulannya, yang penting ialah guru perlu memperbaikkan teknik pengajarannya dan cuba menilai teknik manakah yang lebih baik untuk manfaat para pelajar. Walaupun dapatan Faraded ini agak berbeza dengan dapatan Abdul Jalil Othman, perkara pokok yang ingin diketengahkan ialah pelbagai teknik pengajaran perlu dalam mengajar karangan bagi meningkatkan mutu penulisan pelajar.

Satu kajian yang berkaitan dengan aspek isi iaitu kesan penggunaan strategi pemetaan semantik terhadap kemahiran mengarang di kalangan pelajar sekolah rendah telah dijalankan oleh Rahmad Sukor (1994). Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mencari jawapan sama ada strategi pemetaan semantik boleh membantu pelajar meningkatkan pencapaian penguasaan isi-isi penulisan semasa mengarang. Satu eksperimen telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar tahun empat, Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Serdang, Seri Kembangan, Selangor.

Walaupun strategi ini dijalankan bagi pelajar sekolah rendah, mahasiswa di institusi pengajian tinggi juga dapat memanfaatkannya. Penguasaan isi atau idea sesuatu tajuk adalah penting kerana ia akan menunjukkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu tajuk itu. Jika seseorang pelajar menulis karangan yang tidak menepati tajuk, maka jumlah markah yang akan diperolehnya adalah sangat rendah.

Majlis Peperiksaan Malaysia (1999) dalam Laporan Peperiksaan S.T.P.M. 1998 melaporkan bahawa bagi kertas Bahasa Melayu (karangan) dari segi isi, secara keseluruhan

prestasi calon adalah sederhana. Kebanyakan calon dapat mengemukakan isi yang relevan dengan tajuk tetapi yang menjadi halangan untuk mendapat markah yang tinggi ialah tiada keupayaan mengembangkan isi dengan meluas dan matang. Calon juga gagal mengemukakan contoh-contoh atau bukti yang relevan untuk menyokong isi yang dikemukakan. Selain itu, calon gemar mengulang-ulang isi yang sama.

Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa aspek isi sangat penting bagi sesuatu tajuk karangan itu. Walaupun calon peperiksaan S.T.P.M. telah mempelajari Bahasa Melayu selama 13 tahun, mereka masih tidak dapat mengembangkan sesuatu isi itu dengan matang dan meluas. Ini adalah kerana kurangnya pengetahuan calon tentang sesuatu tajuk itu. Oleh itu, pihak sekolah dan pihak universiti harus merangka satu teknik, contohnya teknik pemetaan semantik yang dijalankan oleh Rahmad Sukor supaya para pelajar sekolah dan mahasiswa institusi pengajian tinggi dapat mengembangkan isi dengan meluas dan matang.

Kepentingan Kemahiran Menulis

Kamarudin (1988) berpendapat bahawa kemahiran menulis merupakan sebahagian daripada kemahiran yang penting untuk semua pelajar di bangku sekolah. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada pendidikan formal memerlukan kerja-kerja menulis dan mengarang ‘karangan’ untuk menyampaikan maklumat, idea, perasaan dan pendapat. Di samping itu, Isahak (1978) menekankan bahawa kemahiran menulis bukan sahaja tertumpu pada mata pelajaran Bahasa Melayu, bahkan melibatkan mata-mata pelajaran lain seperti Kesusastraan, Sejarah, Sains, Ekonomi dan sebagainya yang memerlukan kecekapan pengucapan idea, fakta dan hujah dalam bentuk tulisan. Melalui penulisan, para pelajar

dapat membentuk kaedah sendiri untuk menyampaikan, mengorganisasi pendapat dan maklumat dalam memahami bidang yang dipelajari dengan lebih baik.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1987) telah memperkenalkan satu objektif penting kemahiran menulis pada peringkat sekolah menengah, seperti yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Menengah iaitu “pelajar dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan harian. Para pelajar juga digalakkan menghasilkan penulisan kreatif dengan pemikiran yang kritis dan analitis”.

Oleh sebab kemahiran menulis karangan merupakan salah satu aspek penting dalam sukanan pelajaran, maka pelajar perlu menguasai kemahiran menulis untuk lulus dalam peperiksaan agar mendapat peluang pendidikan yang lebih tinggi dan pekerjaan yang baik. Ini adalah selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh Isahak (1978) yang menyatakan bahawa darjah kecekapan murid-murid menulis dan mengarang amat mempengaruhi darjah pencapaiannya dalam ujian dan peperiksaan, kerana kebanyakan ujian dan peperiksaan memerlukan jawapan-jawapan yang dikarang dengan jelas dan teratur dalam bentuk tulisan.

Dapatlah dirumuskan bahawa kemahiran menulis, khususnya karangan merupakan satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh semua orang, khususnya para pelajar yang sedang menuntut di peringkat sekolah rendah hingga ke pelajar yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi. Kemahiran penulisan karangan ini amat penting untuk pelajar kerana hampir setiap mata pelajaran memerlukan pelajar mengarang jawapan untuk menunjukkan pemahaman mereka, terutamanya dalam peperiksaan.

Kecekapan menulis amat penting untuk melicinkan perhubungan formal dalam bentuk surat-menyurat, laporan, "penglahiran" perasaan dalam bentuk sajak, cerpen dan lain-lain lagi. Akan tetapi, didapati kebanyakan orang menganggap penulisan karangan itu sesuatu yang senang kerana mereka tidak sedar bahawa penulisan karangan juga merupakan satu seni yang tidak mudah diperoleh. Mohd. Sidin (1992) berpendapat bahawa penulisan merupakan suatu seni yang memerlukan kemahiran, kebolehan, keupayaan, kesungguhan dan latihan.

Memandangkan pentingnya kemahiran ini dan sukarnya kemahiran menulis ini dikuasai oleh pelajar, terutamanya golongan mahasiswa, kerana mereka akan bekerja dan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah tinggi, adalah wajar dan mustahak satu kajian dijalankan bagi menaksir tahap kebolehan mahasiswa dalam penulisan karangan.

Ciri-Ciri Sebuah Karangan Yang Lengkap

Konsep karangan didapati mempunyai beberapa interpretasi. Sebenarnya, interpretasi tentang konsep karangan bukanlah sesuatu yang baru tetapi telah ada sejak zaman Za'ba lagi. Za'ba (1965) menyatakan bahawa karangan ialah hasil daripada kepandaian atau kemahiran menggubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan frasa dan seterusnya untuk dijadikan ayat. Oleh itu, sebuah karangan haruslah mengandungi ayat-ayat yang telah digubah atau disusun untuk dijadikan cerita, laporan, penerangan dan sebagainya.

Raminah (1989) memberikan penjelasan yang lebih detail tentang karangan baik. Mengikut Raminah, karangan yang baik dapat dilihat dari dua segi, iaitu dari segi ciri-ciri luaran dan ciri-ciri dalaman yang membentuk karangan tersebut. Dari segi ciri-ciri

luaran, sesebuah karangan seharusnya mempunyai struktur binaan yang terdiri daripada bahagian pendahuluan, isi dan penutup yang juga dipersetujui oleh Awang (1991) dan Ilias (1992). Selanjutnya, Awang (1991) telah menggambarkan struktur binaan karangan seperti rajah di bawah :

Pendahuluan
Badan Karangan (Bahagian Isi)
Penutup

Menurut Awang (1991) lagi, binaan karangan sebagai wacana yang utuh dapat juga dilihat sebagai satu kesatuan perenggan-perenggan. Ini adalah kerana karangan terdiri daripada beberapa perenggan yang berisi maklumat atau gagasan yang berkaitan dengan tema atau isu pokok karangan. Oleh itu, setiap perenggan mestilah memperlihatkan pertalian yang rapat dan saling menyokong antara satu dengan yang lain sehingga terhasil karangan yang berfokus pada tema atau isu yang dibincangkan.

Abdul Aziz (1993) menyatakan bahawa setiap ayat yang tertulis dalam sesebuah perenggan itu haruslah berfokus kepada sesuatu perkara (idea, topik, faktor, tema) yang berkaitan atau relevan dengan tajuk besar dalam sesuatu karangn yang ditulis. Dengan kata lain, perenggan merupakan satu unit pemikiran atau sesuatu idea, tajuk, faktor atau tema tersendiri yang biasanya mengandungi ayat topik. Ayat topik ini perlu dilengkapkan dengan ayat lain yang menjadi penghurai atau penyokong kepada sesuatu ayat topik dalam perenggan tersebut. Guth (975) berpendapat bahawa setiap perenggan dalam bahagian isi karangan hendaklah berfokus kepada satu idea utama sahaja. Namun begitu, ini tidak bermakna bahagian pendahuluan dan bahagian penutup tidak penting.

Bahasa juga merupakan satu aspek yang sangat penting dalam karangan selain aspek isi kerana bahasa berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan isi dan buah fikiran. Isi dan buah fikiran ini digalurkan dalam bentuk ayat. Ayat ialah segugusan perkataan yang membawa makna yang boleh difahami oleh pembaca. Dalam membentuk ayat, seseorang perlu memastikan ayat-ayat itu betul dan tepat penyusunannya. Selain itu, aspek ejaan juga perlu diberikan perhatian sepenuhnya. Tanda-tanda baca dan penggunaan huruf-huruf kecil dan besar juga merupakan soal yang penting dan fungsinya dalam bahasa adalah besar sekali.

Raminah (1989) berpendapat bahawa sesebuah penulisan yang baik haruslah dapat memperlihatkan ciri-ciri dalaman seperti kesatuan, pertautan dan penekanan, di samping gaya penyampaian yang menarik seperti :

1. Kesatuan merujuk pada ketepatan seluruh isu yang dikemukakan itu berfokus pada tajuk atau isu yang diketengahkan oleh penulisnya. Semakin tepat dan mantap setiap isi itu menyentuh judul, semakin kukuh sifat kesatuan penulisan tersebut.
2. Pertautan pula bermakna terdapat kesinambungan yang logik di antara satu unsur dengan unsur yang lain dan jelas memperlihatkan pertautan yang kukuh dan erat sehingga penulisan itu terbentuk sebagai satu satuan yang jitu, bukan sahaja dari segi idea tetapi juga bahasa dan pengolahannya.

3. Penekanan dimaksudkan kepada penyusunan semua unsur dalam sesebuah penulisan dengan cara yang paling sesuai, yang difikirkan dapat mencapai matlamat penulisan tersebut. Ini bermakna penekanan yang sewajarnya mestilah diberikan kepada bahagian yang ingin ditonjolkan kepada pembaca.
 4. Gaya penyampaian dimaksudkan kepada ketepatan pemilihan dan penggabungan frasa untuk membentuk ayat, penggabungan ayat untuk membentuk perenggan. Seterusnya membentuk satu kesatuan dan akhirnya membentuk sebuah wacana yang lebih besar. Penggabungan unit-unit atau unsur-unsur tersebut mestilah tepat dan jelas supaya penulis dapat mempersebahamkan ideanya dengan tenang dan mudah difahami oleh pembaca. Ini tentunya melibatkan penggunaan bahasa yang betul, bertenaga dan berkesan.
- Lanjutan daripada keterangan ini, Hussein (1982) merumuskan bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima komponen dalam karangan, iaitu :
1. ISI : isi penulisan, iaitu idea-idea yang dilahirkan.
 2. BENTUK : organisasi isi.
 3. TATABAHASA : penggunaan bentuk-bentuk tatabahasa yang betul dan pola sintaksis.

4. GAYA : pemilihan struktur dan butir leksikal yang bertujuan untuk memberi sesuatu nada kepada penulisan.
5. MEKANIS : penulisan tanda-tanda grafik dalam penulisan.

Selain ciri-ciri yang diterangkan, didapati faktor luaran seperti aspek pengetahuan dan penguasaan bahasa juga memainkan peranan yang penting untuk membolchkan seseorang pelajar menghasilkan sebuah karangan yang baik. Koh (1982) menyatakan bahawa untuk menulis sebuah karangan yang baik sepanjang 250 patah perkalaan, seorang murid menengah rendah memerlukan pengetahuan bersabit dengan tajuk berkenaan di samping kebolehan yang memadai dalam penggunaan perbendaharaan kata dan tatabahasa untuk menyampaikan idea-ideanya mengenai tajuk tersebut.

Azman (1987) juga mempunyai pandangan yang lebih kurang sama dengan Koh (1982), iaitu pelajar memerlukan fikiran secara berkesan dalam kemahiran menulis karangan. Antaranya, ialah penguasaan kosa kata, tatabahasa, peribahasa dan stil penulisan. Keempat-empat faktor itu akan menentukan mutu penghasilan penulisan karangan.